

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]
TARIKH : 10.6.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peminjam-peminjam tegar yang masih belum menjelaskan pembayaran semula semua jenis pinjaman atau pembiayaan pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah melaksanakan pendekatan yang fleksibel sebelum menyenarai hitam peminjam tegar. Tindakan ini adalah langkah terakhir dalam memberikan peringatan kepada peminjam, setelah pelbagai langkah peringatan pembayaran balik pinjaman dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, seramai 927,295 atau 65.82% peminjam telah membuat bayaran balik dan 481,447 atau 34.18% belum pernah membuat bayaran balik daripada jumlah keseluruhan 1.4 juta peminjam yang sepatutnya membayar balik. Daripada jumlah tersebut, seramai 183,486 (19.47%) peminjam dikategorikan sebagai peminjam tegar kerana tidak pernah membuat bayaran balik sejak dari tahun 1998 sehingga tahun 2010.

Rjm23